

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Thursday, May 9, 2019 10:17 AM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Teroka Dunia Kerjaya Bersama Dato' Muzammil



UUM Corporate Comm.  
**Universiti Utara Malaysia**

09 MEI 2019 / 04 RAMADAN 1440H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: PPA COB

### TEROKA DUNIA KERJAYA BERSAMA DATO' MUZAMMIL



**UUM ONLINE:** Pemilihan kerjaya di industri merupakan satu persoalan yang sering bermain di minda pelajar Institut Pengajian Tinggi. Kebanyakan pelajar tidak mengetahui peluang kerjaya dalam bidang mereka terutamanya melibatkan dunia global, teknologi moden dan cabaran revolusi industri 4.0.

Untuk itu, Dato' Muzammil Mohammad selaku Pengurus Negara Malaysia dan Brunei di Qatar Airways serta Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Universiti Utara Malaysia menyampaikan Ceramah Kerjaya Bersama Dato' Muzammil Mohammad di Dewan Seminar C, STML.

“Pelajar perlu ada keberanian dan semangat yang tinggi jika ingin berjaya selain membuat sedikit kajian berkenaan dengan bidang dan minat masing-masing sebelum menempuh alam kerjaya.

“Hal ini kerana disebabkan kesan teknologi moden banyak syarikat telah mengambil langkah untuk mengurangkan pekerja dan masyarakat pada masa kini,” katanya yang berpengalaman luas dalam bidang perakaunan dan perniagaan korporat termasuk bertugas di Malaysia Airlines.

Beliau turut menekankan kemahiran komunikasi yang baik dan penguasaan beberapa bahasa seperti bahasa Inggeris, Arab, Jepun, Korea dan Sepanyol supaya memiliki kelebihan berbanding orang lain ketika sesi temuduga.

“Tiada perkara yang mustahil jika kita fokus, berusaha dan beriltizam untuk mendapatkan sesuatu kejayaan dengan bersungguh-sungguh kerana kejayaan itu tidak akan datang bergolek tanpa usaha dan kerja keras,” ujarinya.

Beliau menyeru semua pelajar menjadi ahli alumni UUM seumur hidup selepas bergraduasi nanti bagi memastikan segala maklumat dan aktiviti UUM sentiasa diterima.

Sementara itu, Penyelaras Praktikum, Dr. Mohd Adib Abd Muin berkata, program ini melibatkan salah seorang alumni UUM yang berjaya di peringkat kebangsaan dan persada antarabangsa.

“Program ini bukan sahaja memberi gambaran dan suasana sebenar kerjaya kepada para pelajar tetapi mereka berpeluang untuk meningkatkan diri dari sudut keyakinan, tingkah laku, kemahiran dan ilmu pengetahuan bagi menghadapi perubahan revolusi industri 4.0 yang semakin mencabar di luar sana,” ucapnya.

Program anjuran Unit Praktikum Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA COB) dengan kerjasama Pusat Alumni UUM, Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & logistik (STML) dan Pusat Pengajian Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) disertai 50 pelajar UUM COB.

ceramah ini diadakan untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang peluang kerjaya yang boleh diceburi setelah menamatkan pengajian selain dijelaskan tentang isu semasa dan cabaran yang berlaku pada masa kini.

Manakala Pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat, Nur Aimi Che Man berkata, program ini dapat meningkatkan jaringan industri dan mengetahui sedikit sebanyak maklumat kerjaya yang harus difokuskan selepas tamat belajar.

Para pelajar turut diberikan kesedaran untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, pembentukan tingkah laku dan membina pelbagai kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri di sepanjang pengajian.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.